

# PM jelaskan sebab pelbagaikan sumber senjata

23 MAY 2002

SEOUL, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, tujuan kerajaan mempelbagaikan sumber bagi mendapatkan bekalan senjatanya adalah untuk menjaga kepentingan negara.

Perdana Menteri berkata, ia bagi mengelakkan Malaysia daripada bergantung kepada negara pembekal tertentu saja.

"Kalau kita cuma dapat bekalan dari sebuah negara saja, kalau dia hentikan bekalan dan alat ganti kepada kita, maka tentera kita akan susah, tetapi (jika kita ada banyak pembekal) kalau satu negara tidak mahu bekal kepada kita, kita boleh dapatkan bekalan dari negara lain," katanya menjawab pertanyaan pada sesi soal jawab pada majlis beramah mesra dengan rakyat dan pelajar Malaysia di Korea Selatan malam ini.

Perdana Menteri tiba di sini petang ini bagi lawatan rasmi selama tiga hari ke negara itu.

Dr Mahathir menegaskan, Malaysia kini melaksanakan semula pemodenan angkatan tentera kerana kerajaan kini sudah mampu berbuat demikian berikutan pemulihan semula ekonomi negara.

"Jika kita lihat ada syarikat yang kini mencatat keuntungan sehingga RM2 bilion dan apabila syarikat untung sebanyak itu, bahagian bagi kerajaan ialah 28 peratus (dalam bentuk cukai)," katanya.

Mengenai cadangan Malaysia untuk melaksanakan perdagangan menggunakan dinar emas, Perdana Menteri berkata, ia bertujuan mengelakkan mata wang digunakan sebagai komoditi yang diperniagakan sehingga menjejaskan ekonomi sesebuah negara seperti yang berlaku ketika krisis kewangan pada 1997/1998.

Pada sesi soal jawab itu, Perdana Menteri turut ditanya mengenai sistem meritokrasi bagi kemasukan pelajar Melayu ke universiti.

Dr Mahathir berkata, ia dilakukan bagi memastikan pelajar Melayu belajar dengan bersungguh-sungguh.

Sementara itu, ditanya mengenai rahsia kejayaan dan apa yang diamalkannya bagi menjadikan dirinya sentiasa sihat dan tampak muda, Dr Mahathir berkata, rahsia kejayaan beliau begitu mudah sekali, iaitu kerja kuat, tidak malas dan tekun dalam melaksanakan sesuatu kerja.

"Kalau gagal, kita bangun semula dan cuba lagi," katanya.